



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 10 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BAYI MAUT : JKM ARAH TASKA TUTUP SEJAK SELASA LALU		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/bayi-maut-jkm-arrah-taska-tutup-sejak-selasa-lalu/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1346874/bayi-maut-jkm-arrah-taska-tutup-sejak-selasa	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/09/taska-terbabit-kes-kematian-bayi-empat-bulan-diarah-tutup-jkm	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/taska-pusat-jagaan-bayi-meninggal-diarah-tutup/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/706197/berita/semasa/bayi-maut-taska-didapati-tidak-berlesen-diarah-tutup	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/01/09/taska-terkait-kes-kematian-bayi-4-bulan-di-saujana-putra-tiada-lesen-diarah-tutup	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/09/selang-or-welfare-dept-orders-closure-of-bandar-saujana-putra-nursery-following-death-of-four-month-old-baby/162607	MALAYMAIL.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/death-of-four-month-old-boy-nursery-in-bandar-saujana-putra-ordered-to-close-jkm-AH13500202	THESUN.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/09/nursery-closed-in-bandar-saujana-putra-after-death-of-baby/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1158561/nursery-ordered-close-after-babys-death	NST.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2380691	BERNAMA.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/video-taska-disita-operasi-tanpa-lesen-sejak-2022/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-maut-jkm-perintah-taska-ditutup-sejak-selasa/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/09/jkm-arrah-tutup-taska-dalam-kes-kematian-bayi-4-bulan/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174509/jkm-arrah-taska-tutup-sejak-selasa-lalu	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BAYI CEDERA DIGIGIT: PEMILIK, PEMBANTU TASKA DITAHAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1346992/bayi-cedera-digigit-pemilik-pembantu-taska-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/09/sarawak-police-detain-daycare-owner-caretakers-after-alleged-baby-biting-incident-in-batu-kawa/162544	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/09/police-arrest-three-women-for-alleged-abuse-of-baby	THESTAR.COM.MY	
	https://www.therakyatpost.com/news/malaysia/2025/01/09/baby-severely-bitten-at-daycare-three-staff-arrested-as-investigation-unfolds/	THERAKYATPOST.COM	
	https://www.iloveborneo.my/bayi-cedera-digigit-taska-ditahan-di-kuching/	ILOVEBORNEO.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174603/bayi-cedera-digigit-pemilik-pembantu-taska-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/706228/berita/semasa/bayi-cedera-digigit-pemilik-pembantu-taska-ditahan#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-cedera-digigit-pemilik-pembantu-taska-ditahan-503850	ASTROAWANI.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-cedera-digigit-pemilik-taska-penjaga-dibebas-dengan-jaminan-polis/	BULETINTV3.MY	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/01/09/bayi-cedera-dipercayai-digigit-tiga-termasuk-pemilik-taska-ditahan-di-kuching	MAJORITI.COM.MY	
	https://kisahdunia.com/kuching-bayi-8-bulan-digigit-budak-2-tahun-pengurus-taska-kata-tidak-serius/#forward	KISAHDUNIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	TIGA WARGA INDONESIA DITAHAN BANTU SIASATAN PENEMUAN MAYAT WANITA, BAYI		NEGATIF
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2380822	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347038/mayat-wanita-bayi-tepi-jalan-3-warga-indonesia-ditahan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/706249/berita/semasa/3-warga-indonesia-ditahan-bantu-siasatan-kes-wanita-bayi-ditemui-mati-tepi-jalan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/tiga-ditahan-kes-wanita-bayi-mati-berpelukan-tepi-jalan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/01/09/kulai-police-make-three-arrests-in-investigation-of-woman-and-baby-found-dead-by-roadside/162615	MALAYMAIL.COM	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/3-warga-indonesia-ditahan-kes-mayat-ibu-bayi-ditemui-di-tepi-jalan/	BULETINTV3.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/09/polis-tahan-3-warga-indonesia-siasat-kes-ibu-bayi-mati-tepi-jalan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174628/mayat-wanita-bayi-tepi-jalan-polis-tahan-3-warga-indonesia	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php/news.php?id=2380811	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1158582/three-indonesians-held-over-woman-infant-deaths-kulai	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



10/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	GURU CABUL DUA MURID PEREMPUAN DALAM RUMAH HANTU		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/09/guru-cabul-dua-murid-perempuan-dalam-rumah-hantu/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/guru-positif-dadah-disyaki-cabul-murid-dalam-rumah-hantu/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=eyllzVzB5E	YOUTUBE	
	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2025/01/09/guru-sekolah-rendah-didakwa-cabul-2-murid-dalam-rumah-hantu/	THERAKYATPOST.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/01/09/guru-didakwa-cabul-murid-ketika-bawa-masuk-rumah-hantu-karnival-sekolah-di-melaka	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174566/guru-lelaki-disyaki-cabul-dua-murid-dalam-rumah-hantu-direman	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	JAGA DISYAKI CABUL, TUNJUK KEMALUAN PADA ANAK PEREMPUAN 14 TAHUN DIREMAN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1346922/jaga-disyaki-cabul-tunjuk-kemaluan-pada-anak-perempuan-14-tahun-direman	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=OmqWVNN3L2E	YOUTUBE	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/bapa-disyaki-cabul-tunjuk-kemaluan-kepada-anak-direman/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174545/bapa-disyaki-cabul-tunjuk-kemaluan-pada-anak-direman	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PASANGAN WARGA MYANMAR DIDAKWA ABAIKAN BAYI HINGGA MAUT		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174535/pasangan-warga-myanmar-didakwa-abaiakan-bayi-hingga-maut	HMETRO.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
JUMAAT, 10 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Bayi maut: Taska didapati tidak berlesen, diarah tutup	15
Guru lelaki disyaki cabul dua murid dalam 'rumah hantu' direman	6
Mayat wanita, bayi tepi jalan: Polis tahan 3 warga Indonesia	10


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Jam 9 pagi ibu hantar si kecil dalam keadaan sihat. 3.27 petang terima panggilan daripada pengusaha taska anak sudah tidak bernafas.</u>	9
<u>Kaki bayi perempuan tersepit dalam lubang singki</u>	3
<u>Ahli keluarga juga perlu peka kerana antara sasaran scammer ialah warga emas hingga mereka perlu mengambil langkah berjaga-jaga</u>	2

TAJUK TOPIK UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	kanak kanak		-7.0% ↓	100	1	kanak kanak	100	
2	kuala lumpur		-9.8% ↓	53	2	media sosial	55	
3	ketua polis		16.1% ↑	52	3	kuala lumpur	55	
4	media sosial		-24.2% ↓	45	4	warga emas	50	
5	meninggal dunia		NEW	42	5	kira kira	45	

HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	#awaninews		-10.0% ↓	100	1	#awaninews	100	
2	#sinarharian		NEW	56	2	#mgflash	90	
3	#malaysiagazette		-50.0% ↓	50	3	#malaysiagazette	90	
4	#fmtnews		NEW	45	4	#buletintv3	65	
5	#bhkes		60.0% ↑	45	5	#viral	35	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA

Mentions	Impressions	Interactions	Avg. influence score	Opinion leaders
991 ↓	32.51M ↓	18.22k ↓	5.0/10 ↑	184 ↓
-17.9% less than in previous period	-22.48% less than in previous period	-79.05% less than in previous period	0.01% more than in previous period	-18.22% less than in previous period


LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is -2 points compared to the previous period.

Analyzed 990 mentions


- 273 with positive sentiment
- 278 with neutral sentiment
- 439 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- "Bayi maut: Taska didapati tidak berlesen, diarah tutup"
- "Guru lelaki disyaki cabul dua murid dalam 'rumah hantu' direman"
- "Mayat wanita, bayi tepi jalan: Polis tahan 3 warga Indonesia"



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

GURU LELAKI DISYAKI CABUL DUA MURID DALAM 'RUMAH HANTU' DIREMAN LIPUTAN BERITA

- o Melaka: Guru lelaki sebuah sekolah rendah di sini, direman enam hari kerana disyaki mencabul dua murid perempuan Tahun 6 di dalam 'rumah hantu' yang dibuka sempena Hari Karnival Sekolah, pagi semalam.
- o Pemangku Ketua Polis Melaka Datuk Md Nazri Zawawi berkata, perintah reman terhadap suspek berusia 43 tahun itu berkuat kuasa hari ini hingga 14 Januari.
- o Beliau berkata, suspek ditahan di hadapan sebuah rumah di Paya Rumput 10.25 malam tadi selepas laporan dibuat guru besar sekolah rendah terbabit di Balai Polis Tanjung Minyak pada hari sama 12.48 tengah hari.
- o Ketika berada di dalam rumah hantu itu kira-kira jam 10 pagi, secara tiba-tiba suspek didakwa mencabul dua murid berkenaan.
- o "Guru besar berkenaan kemudian menghubungi penjaga kedua-dua mangsa dan menceritakan hal itu sebelum membuat laporan polis," katanya dalam kenyataannya, hari ini.
- o Katanya, hasil ujian saringan awal air kencing ke atas suspek juga didapati positif dadah methamphetamine.
- o "Kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017," katanya.

CADANGAN

Penubuhan Talian Aduan Khas dengan menyediakan talian hotline khas untuk murid dan ibu bapa melaporkan kes seperti ini secara rahsia. Memastikan setiap laporan ditangani dengan cepat dan serius oleh pihak berkuasa. Langkah-langkah ini bertujuan untuk melindungi keselamatan fizikal dan emosi kanak-kanak, memperkukuhkan kepercayaan terhadap sistem pendidikan, dan memastikan kes seperti ini tidak berulang.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



GURU lelaki direman enam hari selepas disyaki mencabul dua murid. FOTO Meor Riduwan Meor Ahmad

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : 'ORANG BAIK SELALU PERGI DULU'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JAN 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Rawang

"Papa, peluklah mama...tak nak peluk mama ke?"

Itu ungkapan dan permintaan terakhir Allahyarham Nur Izzaty Hafizah Abuhairah buat suaminya, Amirul Nafis Amiruddin, 27, beberapa jam sebelum menghembuskan nafas terakhirnya, jam 9 pagi, 6 Januari lalu.

Lebih menyedihkan, Nur Izzaty Hafizah meninggal dunia dalam pelukan suami dan sempat memberi susu kepada bayinya, Muhammad Faleeq Haq Amirul Nafis yang berumur dua bulan.

Menceritakan kisah itu, Amirul Nafis yang menetap di Bandar Tasik Puteri, dekat sini berkata, isterinya yang berusia 19 tahun meninggal dunia secara mengejut kerana dia tidak menghidap sebarang penyakit atau menunjukkan tanda sakit, kecuali senggugut pada malam sebelumnya.

Katanya, mereka juga sempat menghabiskan masa bersama dengan bercuti di Terengganu, Cameron Highlands, Pahang dan Pulau Pinang sebelum ini bagi meraikan tahun baharu.

"Waktu itu, kami baru pulang dari Pulau Pinang dan sampai rumah jam 1 pagi, malah sempat bermain dengan anak sehingga jam 2.30 pagi sebelum tertidur.

"Subuh hari kejadian, isterikejutkan saya untuk solat sementara dia buatkan susu sebelum beri susu pada anak.

"Selesai semuanya, dia

'ORANG BAIK SELALU PERGI DULU'

Nur Izzaty sempat susukan anak, peluk suami sebelum meninggal dunia secara mengejut

beritahu nak tidur dan saya tersedar jam 9 pagi apabila mendengar isteri seolah menggelupur sebelum menarik nafas kuat dan terkulai. Saya terus memanggil ayah naik ke atas dan cuba beri bantuan pernafasan kecemasan (CPR) sebelum ambulans tiba," katanya dihubungi Harian Metro.

Seribanya ambulans di rumah, kakitangan perubatan juga berusaha memberi CPR dengan mesin pernafasan namun gagal menyelamatkan Nur Izzaty Hafizah yang disahkan meninggal dunia jam 9.45 pagi.

Menurut Amirul Nafis, segala-galanya berlaku terlalu pantas dan dia kehilangan isteri dalam sekelip mata.

"Dia (isteri) memang sihat, tak ada sakit malah bacaan darah dan gulanya juga baik hasil pemeriksaan di klinik kesihatan kerana dia seorang yang menjaga pemakanan.

"Tetapi, hasil pemeriksaan selepas bedah siasat mendapati, ada tompokan jangkitan kuman pada paru-parunya," katanya.

Ditanya sama ada Nur Izzaty Hafizah ada menunjukkan sebarang 'tanda' sebelum meninggal dunia,

Amirul Nafis tidak menyedari bahawa selepas pemergian isterinya itu.

"Banyak juga yang saya perasan selepas isteri tiada, antaranya isteri minta hendak guna kad kredit saya untuk langkai semua hutangnya tiga hari sebelum meninggal dunia.

"Pada 4 Januari lalu, isteri teringin hendak makan daging wagyu dan saya bawaanya ke restoran di sebuah pusat beli belah di Kuala Lumpur.

"Dalam perjalanan pulang dari Pulau Pinang ke rumah pula, isteri letak tangannya di pipi saya dan ucap terima kasih, dia beritahu kepada saya jangan baik sangat kerana orang baik selalu pergi dulu, tapi rupanya dia yang terlebih dulu tinggalkan saya.

"Itu belum lagi bungkus pelbagai barangan keperluan bayi yang sempat dibeli isteri dan ia seolah-olah bekal buat anak kami," katanya.

Amirul Nafis berkata, dia reda dan cuba tabahkan hati untuk menghadapi hari mendatang tanpa Nur Izzaty Hafizah

walaupun sukar. "Isteri seorang yang ceria malah disenangi seluruh ahli keluarga. Kami cukup terasa apabila dia tiada kerana dia tiada sangat baik, malah ramai yang datang pada hari pengebumian dan majlis tahlilnya.

"Kami cukup terasa apabila dia tiada kerana dia sangat baik Amirul Nafis"

GAMBAR terakhir Allahyarham Nur Izzaty ketika bercuti dengan suami dan anak mereka.

FOTO kenangan Nur Izzaty Hafizah bersama anaknya, Muhammad Faleeq Haq.

Shah Alam: Polis sudah mengambil keterangan pengusahanya dan pengasuh sebuah tasika di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat berikutan insiden kematian seorang bayi lelaki berusia empat bulan, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Mohd Akmalrizal Radzi berkata, pihaknya terdahulu menerima laporan seorang doktor memaklumkan menerima mangsa daripada pengasuh jam 3.29 petang pada 3 Januari lalu.

Menurutnya, doktor berkenaan melaporkan bayi itu dalam keadaan pucat, mengalami kebiruan pada bibir serta kaki, selain nadi, pernafasan dan anak mata tiada pergerakkan.

"Pihak hospital yang menerima bayi itu sekitar jam 4.35 petang juga melakukan CPR lebih 30 minit, namun tiada tindak balas dan doktor mengesahkan bayi lelaki itu sudah meninggal dunia pada 5.05 petang"

Superintendan Mohd Akmalrizal Radzi, Ketua Polis Daerah Kuala Langat

BAYI 4 BULAN MAUT DI TASKA

Pengadu dakwa beri bantuan CPR

"Pengadu kemudian melakukan prosedur resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan bantuan oksigen se-

mentara menunggu ambulans untuk membawa bayi itu ke Hospital Cyberjaya. "Pihak hospital yang me-

nerima bayi itu sekitar jam 4.35 petang juga melakukan CPR lebih 30 minit, namun tiada tindak balas dan doktor mengesahkan bayi le-

laki itu sudah meninggal dunia pada 5.05 petang. "Polis membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak

2001 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda maksimum RM50,000 atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam. Mohd Akmalrizal berkata, pihaknya sudah mengambil keterangan daripada pekerja dan pengasuh tasika berkenaan dalam permohonan untuk mendapatkan lesen.

"Kita akan lengkapkan siasatan dan merujuk perkara ini kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan lanjut.

"Orang ramai dinasihatkan tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan polis," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM ARAH TUTUP TASKA TAK BERLESEN SEJAK SELASA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 10 JAN 2025

M/SURAT : 20

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Insiden kematian bayi 4 bulan

JKM arah tutup taska tak berlesen sejak Selasa

Shah Alam: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengarahkan khidmat pengasuh di Bandar Saujana Putra di Kuala Langat, dihentikan susulan insiden kematian seorang bayi lelaki berusia empat bulan minggu lalu.

Pengarah JKM Selangor, Azmir Kassim, berkata arahan berkenaan dikeluarkan Isnin lalu ketika pihaknya melawat premis terbabit dan khidmat itu dihentikan pada keesokannya.

“JKM menerima makluman mengenai insiden berkenaan daripada pihak polis pada Ahad lalu dan hadir ke premis itu pada Isnin. Arahan tutup operasi adalah mulai Selasa,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, media melaporkan, bayi lelaki berusia empat bulan meninggal dunia selepas dihantar ke sebuah premis pengasuh di Bandar Saujana Putra pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superin-

tendan Akmalrizal Radzi, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 3.29 petang daripada seorang doktor sebuah klinik.

Doktor berkenaan memaklumkan seorang bayi dibawa ke klinik dalam keadaan pucat kebiruan pada bibir dan kaki, tiada nadi serta nafas selain tiada pergerakan anak mata bila disuluh lampu.

Bantuan pernafasan (CPR) dan oksigen diberikan serta-merta sementara menunggu ambulans yang kemudian membawa bayi berkenaan ke Hospital Cyberjaya, kira-kira jam 4.35 petang hari sama, namun dia disahkan meninggal dunia jam 5.05 petang kemudian.

Polis juga mendapati khidmat pengasuh berkenaan tidak berlesen dan dalam proses permohonan.

Akmalrizal berkata, pihaknya sudah membuka kertas siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang

memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda maksimum RM50,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Katanya, doktor berkenaan melaporkan bayi itu dalam keadaan pucat, kebiruan pada bibir serta kaki, tiada nadi, pernafasan serta gerakan anak mata.

“Pengadu kemudian melakukan prosedur resusitasi kardio-pulmonari (CPR) dan bantuan oksigen sementara menunggu ambulans untuk membawa bayi itu ke hospital.

“Pihak hospital yang kemudian menerima bayi itu jam 4.35 petang juga melakukan CPR selama lebih 30 minit namun tiada tindak balas dan doktor mengesahkan bayi lelaki itu sudah meninggal dunia pada jam 5.05 petang,” katanya.

Mohd Akmalrizal berkata, pihaknya sudah mengambil keterangan daripada pekerja dan pengusaha taska berkenaan.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : JKM ARAH TASKA HENTI OPERASI SEJAK SELASA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JAN 2025

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

JKM arah taska henti operasi sejak Selasa

Shah Alam: Taman asuhan kanak-kanak (taska) di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat yang dipercayai terbabit dalam insiden kematian bayi lelaki berusia empat bulan sudah diarahkan tutup, Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Azmir Kassim

berkata, pihaknya mendapat pemakluman mengenai insiden berkenaan daripada pihak polis pada Ahad lalu.

“JKM kemudian hadir ke taska berkenaan pada Isnin lalu dan mengarahkan taska untuk tutup operasi mulai Selasa,” katanya ringkas ketika dihubungi, semalam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bayi cedera digigit: Pemilik, pembantu taska ditahan

BERNAMA - Januari 9, 2025 @ 3:24pm



GAMBAR hiasan

KUCHING: Polis menahan tiga wanita terdiri daripada pemilik taman asuhan kanak-kanak di bandar raya ini dan dua penjaga premis itu bagi membantu siasatan berhubung kes seorang bayi yang cedera dipercayai digigit.

Ketua Polis Daerah Padawan, Superintendan Mohd Irwan Hafiz, berkata ketiga-tiganya kini disiasat di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001 selepas penahanan dilakukan pada 7 malam tadi.

"Tangkapan dibuat susulan polis menerima laporan daripada ibu bayi terbabit pada 9.30 malam Selasa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata berdasarkan laporan ibu mangsa, bayi berusia lapan bulan itu didapati mempunyai bekas gigitan pada bahagian belakang badan. – BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga Warga Indonesia Ditahan Bantu Siasatan Penemuan Mayat Wanita, Bayi

🕒 09/01/2025 06:22 PM



KULAI, 9 Jan (Bernama) -- Polis menahan tiga warga Indonesia bagi membantu siasatan berkaitan kes penemuan mayat seorang wanita warga asing bersama bayi lelaki di tepi Jalan Impiana 5, Taman Impiana di sini, Selasa lepas.

Ketua Polis Daerah Kulai ACP Tan Seng Lee berkata bertindak atas maklumat, pihaknya menahan dua lelaki dan seorang wanita berusia lingkungan 42 hingga 53 tahun itu di daerah ini dan Johor Bahru kira-kira 2.30 hingga 4.30 petang, semalam.

Beliau berkata turut dirampas ialah empat telefon bimbit, sebuah kereta jenis Proton, tilam dan tikar.

"Kesemuanya kini direman hingga Sabtu ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 316 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Tan turut meminta orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi dan komen yang boleh mengganggu siasatan kes.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita warga asing ditemukan terbaring di tepi jalan bersama-sama seorang bayi lelaki dengan keadaan bertali pusat, sebelum kematian kedua-duanya disahkan oleh pegawai perubatan yang hadir ke lokasi kejadian.

Bagaimanapun, hasil siasatan mendapati tiada sebarang kecederaan luar ditemukan pada kedua-duanya selain satu organ dipercayai uri ditemukan berhampiran lokasi mayat dijumpai dan mayat dihantar ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru untuk bedah siasat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CABUL DALAM 'RUMAH HANTU'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JAN 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK



GURU lelaki didakwa cabul dua murid perempuan dalam rumah hantu direman enam hari.

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang guru lelaki direman enam hari selepas disyaki mencabul dua murid perempuan Tahun Enam dalam 'rumah hantu' yang dibuka di sebuah sekolah sempena Hari Karnival Sekolah, kelmarin.

Pemangku Ketua Polis Melaka Datuk Md Nazri Zawawi berkata, perintah reman terhadap suspek berusia 43 tahun itu dikeluarkan Majistret Nor Syaliati Mohd Sobri berkuat kuasa semalam hingga 14 Januari ini.

Menurutnya, suspek ditahan di hadapan sebuah rumah di Paya Rumpit kira-kira

Beberapa guru wanita menenangkan kedua-dua mangsa yang ketakutan

Cabul dalam 'rumah hantu'

Guru lelaki direman disyaki buat perkara tak senonoh pada dua murid perempuan

jam 10.25 malam kelmarin selepas laporan dibuat guru besar sekolah terbabit pada hari sama.

"Pengadu berusia 53 tahun menyatakan semasa berada di pejabat sekolah, beliau didatangi dua murid perempuan Tahun Enam dalam keadaan takut dan menngis.

"Kedua-dua murid mendakwa suspek mengajak mereka

masuk ke rumah hantu yang dibuka di kawasan sekolah sempena Hari Karnival Sekolah pada Sabtu ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, kedua-dua murid terbabit akur kerana teruja, namun ketika berada di dalam rumah hantu secara tiba-tiba suspek didakwa mencabul mereka.

Katanya, pengadu meminta beberapa guru wanita untuk menenangkan kedua-dua mangsa yang ketakutan selain mencari

suspek.

"Suspek menafikan kejadian apabila ditanya lalu guru besar menghubungi penjaga kedua-dua mangsa sebelum membuat laporan polis.

"Saringan ujian air kencing ke atas suspek juga didapati positif dadah jenis methamphetamine," katanya.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TUNJUK KEMALUAN KEPADA ANAK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 10 JAN 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Tunjuk kemaluan kepada anak

Batu Pahat: Pengawal keselamatan direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam, selepas disyaki melakukan amang seksual fizikal serta menunjukkan kemaluan kepada anak perempuannya, Oktober tahun lalu.

Perintah reman ke atas suspek berusia 40 tahun dikeluarkan Majistret Nuraidah A Rahman bermula semalam sehingga Rabu hadapan.

Ia membolehkan polis menjalankan siasatan mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 15 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual

Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Mengikut laporan dibuat isteri suspek, kejadian berlaku pada jam 10 pagi, 14 Oktober tahun lalu ketika mangsa berusia 14 tahun bersama bapa kandung menaiki sebuah motosikal.

Suspek memberi alasan kononnya mahu mengajar mangsa untuk menunggang motosikal sebelum mengambil kesempatan itu terhadap anak kandungnya.

Bukan itu sahaja, malah suspek turut bertindak menunjukkan kemaluan terhadap mangsa ketika

berada dalam bilik tidurnya.

Namun perbuatan itu di-rahsiakan berikutan suspek mengugut mahu membunuh diri jika mangsa memberitahu kepada ahli keluarganya.

Selepas kejadian berkenaan, mangsa menjadi trauma setiap kali melihat suspek berada di rumah sehingga menceritakan perkara itu kepada ibunya sebelum membuat laporan polis.

Bertindak atas laporan dibuat, polis menjalankan siasatan dan menahan suspek di daerah ini, jam 7.30 malam kelmarin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pasangan warga Myanmar didakwa abaikan bayi hingga maut

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



MUNNA di Mahkamah Sesyen Kota Bharu. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Kota Bharu: Pasangan suami isteri warga Myanmar didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mengabaikan bayi lelaki mereka yang berusia 10 bulan sehingga mengakibatkan kematiannya Disember lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Munna Abdu Salam dan Fatima Abul Hashim mengaku tidak bersalah dan menganggu faham terhadap pertuduhan yang dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh sebagai orang yang mempunyai hak pemeliharaan terhadap seorang bayi lelaki berusia 10 bulan didakwa menganiayai mangsa sehingga menyebabkan kematiannya di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai, 10 malam, pada 17 Disember 2024.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 34 akta yang sama.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Faiz Fitri Mohamad, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri tidak mencadangkan wang jaminan terhadap kedua-dua tertuduh memandangkan kesalahan yang dilakukan mereka adalah serius dan tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

Mahkamah tidak membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin dan menetapkan 10 Februari depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi serahan dokumen serta melantik peguam.